

MAHATHIR-BELIA

1784

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELANCARKAN HARI BELIA NEGARA DAN MENEKANKAN PERLUNYA DISIPLIN DI KALANGAN BELIA SEBAGAI PEMIMPIN MASA DEPAN YANG BOLEH MENINGGIKAN LAGI SUMBANGAN KEPADA NEGARA.

PEROANA MENTERI MENEGASKAN TANPA DISIPLIN, TENAGA BELIA TIDAK BOLEH DIPADUKAN DAN TANPA PERPADUAN TENAGA, TIDAK MUNGKIN MENGERAKAN NEGARA KE ARAH KEMAJUAN.

"LEBIH DISIPLIN BELIA, LEBIH MUDAH MEREKA DILATIH DAN LEBIH TINGGI LAGI NILAI SUMBANGAN YANG BOLEH DIBERI OLEH MEREKA KEPADA NEGARA," TAMBAHNYA SEMASA BERUCAP KEPADA 7,000 ORANG BELIA YANG BERHIMPUN DI STADIUM JALAN RAJA MUDA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KERAJAAN SENTIASA MEMBERI PERHATIAN KEPADA ASPIRASI GOLONGAN BELIA DAN BERUSAHA MELENGKAPKAN MEREKA DENGAN SEGALA PENGETAHUAN DAN KECEKAPAN YANG DIPERLUKAN.

"INSYA-ALLAH, APABILA SAMPAI GILIRAN BAGI BELIA MENGAMBIL ALIH TEMPAT ORANG DEWASA, NEGARA TIDAK PERLU KHUATIR KERANA MEREKA LAYAK DAN MAMPU MEMBANGUNKAN NEGARA DENGAN LEBIH PESAT LAGI."

-- LAGI 1115/WS

MAHATHIR-BELIA 2 KUALA LUMPUR

STATISTIK MENUNJUKKAN BAHAWA 76 PERATUS PENDUDUK DI NEGARA INI ATAU 4.6 JUTA TERDIRI DARIPADA BELIA YANG BERUMUR DI ANTARA 15 HINGGA 34 TAHUN.

PEROANA MENTERI MENJELASKAN OLEH DEMIKIAN, BELIA MERUPAKAN SEBAHAGIAN BESAR PENOWOK NEGARA, DAN TENAGA BELIA MENJADI SUMBER YANG PENTING BAGI PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MENYAMBUK BAIK SUMBANGAN BELIA KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA RAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MELALUI PERSATUAN-PERSATUAN BELIA DAN BADAN-BADAN KEBAJIKAN SAMADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, RAKYAT TIDAK BOLEH BERPUASHATI KERANA BELIA SERTA NEGARA MASIH MENGHAOAPI BERMACAM-MACAM MASALAH TERMASUK MEREBAKNYA PENYALAHGUNAAN DADAH DI KALANGAN BELIA.

TEGASNYA DADAH ADALAH SATU MALAPETAKA YANG PERLU DIPERANGI OLEH BELIA SECARA HABIS-HABISAN KERANA JIKA TIDAK, MUNGKIN TIDAK AKAN ADA PENGGANTI KEPADA ORANG DEWASA YANG ADA SEKARANG.

"TIDAK ADA KEPALA KELUARGA APABILA AYAH DAN IBU MENINGGAL, TIDAK AKAN ADA PENGGANTI KEPADA ANGGOTA MASYARAKAT YANG ADA SEKARANG. DAN AKHIRNYA AKAN TAMATLAH RIWAYAT BANGSA," -- LAGI 1120/WS

PERDANA KENTER I BERKATA BELIA YANG INSAF DAN BERTANGGUNGJAWAB TIDAK BOLEH MEMBENARKAN MALAPETAKA DADAH MENIMPA MASYARAKAT KERANA MEREKA YANG TERLIBAT BUKAN SAHAJA MEMBEBANKAN KELUARGA TETAPI JUGA MASYARAKAT DAN NEGARA.

'' J IKA TIDAK DIHENTIKAN DENGAN CEPAT, PENYALAHGUNAAN DADAH INI AKAN MEMBAWA MAUT SEBELUM BELIAU MENGENAL HIDUP DEWASA. ''

BELIAU MENYARANKAN TINDAKANPOSITIFDIAMBIL SEPERTIMELEBIHKAN KEGIATAN PERSATWAN SUPAYAMINATKEPADAPERSATUAN SERTA AKTIVITINYA MENYEKAT MUDA-MUDI DARI TERCEBUT DENGAN JENAYAH DADAH.

D I SAMPING ITU, BELIA HENDAKLAH MENDEKATKAN DIRI DENGAN IBU BAPA D DAN KELUARGA AGAR KEBEBASANTIDAK MELAMPAU BATAS SERTA MENYERTAI KEGIATAN SUKAN SWPAYA TERPELIHARA DARI KEGIATAN TIDAK SIHAT.

DATUK SER OR. MAHATHIR BERKATA PERSATUAN BELIAU PERLU DIBERI KURSUS BERKENAAN D E N G A N ADAT RESAM DAN SENSITIVITI KAUM MASIING-MASING.

'' BELIA MESTILAH MELATIH DIRI SWPAYA SENSIFIT KEPADA PANTANG LARANG MASIING-MASIING. J ANGANLAH SENGAJA Mencari Amalan Yang Boleh KEMXSAHKAN BELIA DARI BERBAGAI-BAGAI KAUM, '' TAMBAHNYA.

--- LAGI 1210/WS

BELIAU MENEKANKAN AGAR LEBIH BANYAK KEGIATAN YANG MEMBAWA KEPADA AKTIVITI BERSAMA DIADAKAN UNTUK MENGELAKKAN KEADAA N SEKARANG DI MANA KEBANYAKAN DARI PERSATUAN; BELIAU- DIKHAHKAN UNTUK KAUM-KAUM YANG KHUSUS.

INI SELARAS DENGAN CABARAN TERBESAR BAGI RAKYAT MALAYSIA UNTUK MENWUJUDKAN FERPADUAN KAUM DAN MEMBENTUK SATU BANGSA YANG BERDAULAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JWGA MENGESYURKAN DIADAKAN SATU PROGRAM BERKESAN UNTUK MENINGKATKAN LAGI MINAT KAUM BELIAU MENYERTAI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA.

MENURUTNYA, KINI CUMA KIRA-KIRA 1.3 JWTA BELIA SAHAJA YANG MENJADI AHLI D A L A K BERBAGAI-BAGAI PERTUBUHAN BELIA YANG BERDAFTAR DI NEGARA INI.

FEROANA KENTERL BERHARAP PARA PELAJARDI SEMUA PERINGKAT PERSEKOLAHAN, TERKASUK PUSAT PENGAJ IAN TINGGI HENDAKLAH D I GALAKKAN MENYERTAI ATAU MEMIMPIN SESUATU ORGANISASI DI PERINGKAT MASIING-MASIING

PERHATIAN KHSUS HENDAKLAH DIBERIKAN KEPADA PARA BELIA DI BANDAR KERANA MEREKA MEMERLUKAN BIMBINGAN DAN PENYESUAIAN DENGAN NILAI HIDUP DI BANDAR. -- LAGI 1213/WS

'' PEMBANGUNAN BANDAR TIDAK AKAN MENCAPAI MATLAMAT SEBENARNYA SEKIRANYA GEJALA-GEJALA MASYARAKAT DI BANDAR TIDAK DIBENDUNG KE ARAH KEHIDUPAN YANG BAIK SESUAI OENGAN KEBUDAYAAN NEGARA. ''

PERDANA MENTERL BERKATA MUDA-MUDI JUGA METIDIDIDIK SUPAYA MENGHARGAI KEBERSIHAN D A N EMPUNYAI KEBANGGAAN SIVIK TERHADAP BANDAR-BANDAR TEKPAT MEREKA TINGGAL.

BELIAU KAHW PERSATUAN BELIA MEMAINKAN PERNANAN YANG AKTIFDALAM MEMUPUK NILAI-NILAI BAIK SUPAYA BUKAN SAHAJA HIDUP LEBIH SEMPURNA TETAPI TIDAK AKAN BERASA MALU, DENGAN KEADAA N NEGARA INI.

DATUK SERI O R. MAHATHIR BERPENDAPAT SEMENTARA MENUNGGU NILAI-NILAI BAIK DISERAPKAN, KUMPULAN-KUMPULAN BELIA HENDAKLAH MENJALANKAN KEMPEN KEBERSIHAN SENDIRI SEFANJANG MASA TANFA MENUNGGU SEHINGGA KEMPENDIADAKAN OLEH KERAJAAN. -- BERNAMA 1217/WS